

29/10/2003

Dr M bidas Senat AS cuba paksa Malaysia

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas Senat Amerika Syarikat

(AS) yang menurutnya cuba mengawal dan memaksa negara lain mengikut telunjuk mereka menerusi pelbagai syarat tidak munasabah.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak memerlukan bantuan

dan latihan ketenteraan AS bernilai RM4.5 juta (AS\$1.2 juta) kerana ia terlalu kecil dan tidak memberikan sebarang kesan kepada negara.

"Mereka mahu menentukan semua keputusan di dunia dan anda tahu kita ditadbir Senat Amerika Syarikat. Jadi, tiada nilai mengadakan pilihan raya sendiri.

"Kita lebih baik dipilih dalam pilihan raya di Amerika agar kita mempunyai wakil sesuai di sana," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau pelbagai versi motosikal keluaran syarikat Itali, MV Augusta Motor SpA, di

Kompleks Perdana Putra, di sini semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai keputusan Senat AS kelmarin yang meletakkan

beberapa syarat sebelum membenarkan bantuan kepada Malaysia. Ia bagi menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap kenyataan Perdana Menteri mengecam Yahudi sebagai mengawal dunia secara proksi dalam ucapan perasmian Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), di sini baru-baru ini.

Senat negara itu akan hanya bersetuju bantuan diberikan selepas Setiausaha Negara AS, Colin Powell mengesahkan bahawa Malaysia menyokong dan mempromosikan kebebasan beragama, termasuk Yahudi.

Cadangan Senat itu ditambah dalam rang undang-undang bantuan asing bernilai RM68.4 bilion (AS\$18 bilion) yang dijangka diluluskan hujung minggu ini.

Walaupun jumlah itu tidak besar, langkah itu dikatakan bertujuan menghantar mesej jelas bantahan negara itu kepada Malaysia berhubung kenyataan Dr Mahathir.

Wakil Republikan dari Kentucky, Senator Mitch McConnell, dilaporkan berkata tiada yang lebih buruk pada 2003 selain daripada kenyataan yang sangat salah oleh seorang Perdana Menteri dari mana-mana negara.

"Ia sangat berbahaya dan menyokong radikal dan ekstremes Islam di seluruh rantau. Dr Mahathir sangat berpengaruh dalam mempengaruhi pemikiran ramai orang. Nasihat saya pada masa depan, beliau harus berfikir sebelum bercakap," kata McConnell yang dipetik agensi berita asing.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menunjukkan rasa kesal berhubung ucapannya pada Sidang Kemuncak OIC itu.

Beliau yang akan bersara Jumaat ini sebaliknya berkata, keputusan Senat membuktikan dakwaannya bahawa Yahudi mentadbir dunia secara proksi adalah

benar.

"Sama ada tindakan itu dapat diterima atau tidak, ia pandangan mereka. Tetapi mereka sangat marah dengan apa yang saya katakan mengenai Yahudi.

"Jika ini reaksi mereka, apa yang saya katakan adalah benar," katanya.

Dr Mahathir juga tidak melihat keputusan itu akan memberikan sebarang kesan kepada negara ini kerana Malaysia sebelum ini pernah dikenakan tindakan seumpama itu.

"Sebelum ini mereka batalkan dan AS\$1 juta tidak membawa perbezaan kepada kita. Kita tidak memerlukan duit itu. Kita boleh cari AS\$1 juta di

sini. Malah, kita tidak memerlukan latihan itu. Kita tidak bergantung kepada Amerika untuk latihan (ketenteraan)," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir menyaksikan majlis menandatangani surat hasrat penilaian bagi pengambilan 50 peratus kepentingan MV Augusta oleh Proton.

Syarikat kereta nasional itu diwakili Ketua Eksekutifnya, Tengku Tan Sri Dr Mahaleel Tengku Ariff, manakala MV Augusta diwakili pengasasnya Claudio Castiglioni.

Perjanjian itu membolehkan Proton membuat penilaian untuk membeli 50 peratus kepentingan Augusta Motor daripada Castiglioni yang memegang 95 peratus kepentingan dalam syarikat pengeluar motosikal terkenal itu. MV Augusta adalah pengeluar motosikal jenama Cagiva, MV Augusta dan Husqvarna.

Mengenai pembabitan Proton dalam pengeluaran motosikal, Perdana Menteri berkata, selain terbabit dalam pengeluaran basikal dan kereta, Proton perlu menceburi pengeluaran motosikal bagi memastikan ia terus mampu bersaing di peringkat dunia.

"Kita sepanjang masa harus mencari bidang khas supaya kita mencapai taraf dunia. Motosikal ini seperti anda lihat, adalah kelas dunia.

"Kita akan mengeluarkan motosikal ini dan menjualnya di seluruh dunia," katanya.

Ditanya sama ada beliau gembira dengan pembabitan Proton, Dr Mahathir berkata: "Saya gembira. Anda boleh lihat di muka saya. Jika saya tidak gembira saya tidak akan berada di sini. Saya akan memarahi dia (menunjuk kepada Tengku Mahaleel)."